

Pembangkok harus henti potikkan isu Sekolah menengah Tamil
Free Malaysia Today
9 April 2014
Oleh B Nantha Kumar

PETALING JAYA: Pertubuhan Transformasi Sekolah Tamil Malaysia (TSTP) hari ini mengecam pemimpin Pakatan Rakyat dalam isu Sekolah Menengah Tamil.

Pengerusi TSTP S Ganesan meminta pembangkang menghentikan memainkan isu sekolah menengah Tamil kerana masyarakat India menghadapi masalah sangat ketara dalam membangunkan masa depan sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

“Pembangkang sering persalahkan Timbalan Menteri Pelajaran P Kamalanathan sebagai cuai dalam laksanakan usul ini tetapi mereka tidak pernah menggunakan saluran yang betul dan diplomatik untuk duduk semeja bersama dalam membincangkan isu ini,” kata Ganesan.

“Sememangnya isu sekolah menengah tamil sesuatu yang disambut baik oleh semua pihak tetapi ia perlu dilaksanakan secara berperingkat ia itu melalui satu pelan serta jawatankuasa bertindak harus dibentuk bagi menyelesaikan kesemua isu yang berbangkit mengenai sekolah rendah Tamil ,” tambah beliau.

Menurutnya, sejak 2010 kadar kemasukan murid di sekolah rendah Tamil menunjukkan penurunan yang drastik berbanding tahun sebelumnya.

“Di Johor sahaja, lima buah sekolah Tamil mencatatkan bilangan pelajar rendah pada awal 2014,” kata beliau.

“Ia mungkin memberikan impak negatif iaitu mungkin membawa kepada penutupan sekolah yang berkenan disebabkan kekurangan pelajar pada masa depan.”

“Dan lebih merumitkan lagi keadaan daripada 523 sekolah iaitu jumlah sekolah Tamil di negara ini, lebih 200 buah berada di paras kemasukan yang tidak memuaskan,” tambahnya.

Ganesan berkata apa yang penting sekarang adalah mempertingkatkan mutunya selaras dengan sekolah Kebangsaan di negara ini.

“Tetapi,taktik yang gunapakai oleh pembangkang sering membuatkan masyarakat umum menjadi emosi yang menimbulkan perasaan marah kepada kerajaan kerana sering disalah tafsir serta manipulasi fakta membolehkan pembangkang menjadi juara dalam isu ini,” katanya.

Menurutnya lagi, satu jawatankuasa perlu ditubuhkan dan dialog bersama semua pihak secara berperingkat untuk mengusulkan cadangan serta kertas kerja ini kepada kerajaan terutama Kementerian Pendidikan tentang usul pengenalan Sekolah Menengah Tamil.

“Jika ia dilakukan secara berperingkat serta efektif ,tidak mustahil cadangan ini mampu dibawa dan ditambah ke dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.”

Isu Sekolah Menengah Tamil menjadi kian hangat sejak kebelakangan ini, setelah Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng menuduh kerajaan pusat menolak cadangan membina sekolah

menengah Tamil pertama di Malaysia.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/09/pembangkang-harus-henti-politikkan-isu-sekolah-menengah-tamil/>